

05/12/1999

Jangan menang sorak kampung tergadai

DALAM ruangan ini pada hari Selasa, Kiau meminta pengundi dan rakyat Malaysia bertenang dan terima keputusan pilihan raya. Kiau kata, itulah cara demokrasi. Ada yang menang ada yang kalah.

Selepas enam hari dan banyak hal mengenai pilihan raya dibincang, Kiau rasa eloklah kalau kita berterus terang.

Maaflah kalau apa yang hendak Kiau katakan ini, kasar dan sakitkan perasaan orang.

Tapi sebelum itu biarlah Kiau ucap tahniah kepada semua pihak yang menang, tak kira di pihak kerajaan atau pembangkang. Kepada Barisan Nasional kerana berjaya pertahan kelebihan dua pertiga di Dewan Rakyat dan kepada Pas kerana berjaya pertahan Kelantan dan tawan Terengganu.

Sebenarnya tak tepat lagi nak cakap fasal pembangkang dan kerajaan sebab ada parti yang jadi kerajaan di pusat tapi pembangkang di negeri. Ada yang jadi kerajaan di negeri tapi pembangkang di pusat.

Misalnya walaupun BN kekal memerintah di pusat, di Kelantan dan Terengganu BN pembangkang. Pas jadi kerajaan di Kelantan dan Terengganu, tapi di pusat dan di tempat lain, ia pembangkang.

BN tentulah gembira berjaya pertahan Parlimen dengan kelebihan dua pertiga walaupun kalah teruk di Kelantan dan Terengganu dan dekat-dekat kalah di Kedah.

Di kalangan pembangkang pula, Pas tentulah gembira kekalkan Kelantan dan tawan Terengganu, tapi ia tentulah tidak gembira kerana gagal tumbangkan BN di peringkat pusat.

DAP tentulah tidak ada sebab gembira fasal dua orang kuatnya - setiausaha agung Lim Kit Siang dan timbalan pengerusi Karpal Singh kalah di Pulau Pinang.

Parti Keadilan Nasional yang beria-ia jadi orang tengah pakatan pembangkang pun tak sampai ke mana-mana. Ia hanya menang lima kerusi Parlimen dan empat kerusi negeri walaupun presidennya, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail, menang besar di bekas kerusi suaminya.

Kiau setuju dengan pendapat dia menang kerana simpati. Lagipun orang marah apabila dia dihentam dan dibelasah tak patut padan. Inipun kita kena akui kesilapan kita supaya kita tak ulang lagi pada masa depan.

Yang Kiau dengar selepas pakatan pembangkang gagal tumbangkan BN ialah Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar kata lepas pilihan raya ini orang akan lupa kepada bekas Timbalan Perdana Menteri.

Kiau nak bagi tahu Chandra, inilah realiti, inilah kenyataan politik. Ini bukan berkuliah di universiti atau berpidato dalam majlis kecendekiawanan.

Orang macam dia mungkin tidak sesuai dalam politik. Atau pengundi belum boleh terima politik dia.

Bukan semua yang menang senang dan kalah susah. Perdana Menteri dan juga Presiden Barisan Nasional, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetap pening kepala memikirkan siapa hendak jadi Menteri Besar, siapa patut isi Kabinet dan siapa patut digugurkan.

Di Pulau Pinang yang Barisan Nasional menang besar itupun sudah nampak kemelutnya. Kiau tak tahulah apa muslihat dua calon Gerakan yang menang atas tiket Barisan Nasional meletak jawatan daripada parti mereka. Kiau harap masalah ini tak berlarutan.

Kiau minta Menteri-Menteri Besar dan pemimpin negeri yang negeri mereka kalah kepada pembangkang atau dekat-dekat kalah fikir sendiri apa tindakan

selanjutnya yang harus mereka buat.

Tak payahlah salahkan orang lain, marahkan pengundi dan peningkan kepala Dr Mahathir. Berilah peluang sepenuhnya kepada beliau memikirkan siapa paling layak memimpin negeri-negeri ini.

Ingatlah, bukan Menteri Besar atau calon sahaja yang menang dan kalah. Pengundi pun menang dan kalah.

Kiau sendiri menang dan kalah. Kiau mengundi di kawasan Parlimen Hulu Langat dan Dewan Undangan Negeri Kajang. Calon Parlimen Kiau menang tapi calon negeri kalah. Jadi, Kiau gembira sebagai pengundi Hulu Langat tapi sedih sebagai pengundi Kajang.

Begitu jugalah dengan orang lain. Bukan Menteri Besar yang kalah atau Menteri Besar yang pencapaiannya tidak baik sahaja berhak berasa sedih dan marah, rakyat yang sokong mereka pun berhak rasa sedih dan marah.

Pencapaian Barisan Nasional di Terengganu tentulah memeranjatkan banyak orang. Tapi kita kena ingat balik yang negeri itu pernah jadi negeri Pas. Dalam pilihan raya 1959, Perikatan kalah teruk di tangan Pas.

Waktu itu, Pas menang empat kerusi Parlimen dan Perikatan, satu. Yang satu lagi jatuh ke tangan Parti Negara pimpinan Datuk Onn. Dalam Dewan Undangan Negeri pula, Pas dapat 13, Perikatan tujuh dan Parti Negara empat.

Tapi dalam pilihan raya 1964, Perikatan rampas balik Terengganu. Ia dapat lima kerusi Parlimen dan 21 kerusi negeri berbanding Pas yang dapat satu Parlimen dan tiga negeri.

Perikatan hampir-hampir hilang negeri itu dalam pilihan raya 1969, tapi teguh semula dalam pilihan raya berikutnya (1974) apabila Pas sertai BN. Ia berkuasa sampailah Isnin lalu walaupun tidak putus-putus diasak oleh Pas.

Pencapaian Barisan Nasional di Kedah lebih teruk dari tahun 1990. Malah dekat-dekat sama dengan keputusan tahun 1969 apabila ia kalah tiga daripada 12 kerusi Parlimen kepada Pas dan 10 daripada 24 kerusi negeri kepada Pas (lapan) dan Gerakan (dua). Waktu itu Gerakan parti pembangkang.

Jadi member-member Kiau di Kedah kenalah fikir dalam-dalam. Kalau langkah berkesan tak dibuat, Kiau takut Kedah akan jadi Terengganu dalam pilihan raya sekali lagi.

Ingatlah, Pas ini dia sanggup tunggu, dia sanggup kalah dan dia sanggup bersabar.

Ini bukan soal tak sayang ketua atau meluat dengan sesiapa, tapi soal sayangkan parti dan negara.

Tak payahlah salahkan pengundi. Bukankah pengundi yang sama dulu undi kita? Lebih eloklah kita tengok diri kita sendiri dalam cermin.

Kita yang menang pun, janganlah seronok sangat. Kalau kita baca apa yang tersirat, kita akan sedar sebenarnya kuasa orang Melayu dalam Parlimen sudah kurang kerana pecahnya undi Melayu.

Jadi janganlah kita bersorak lantang sangat takut-takut masa kita bersorak sorai itu kampung halaman kita sudah tergadai.

Melayu mungkin tidak hilang di dunia. Tapi Melayu mana yang kita mahu. Melayu yang menjadi tuan di rumah sendiri atau Melayu yang menjadi melukut di tepi gantang?

(END)